

**[UNDERSTANDING OF ACADEMIC MEMBERS KUALA TERENGGANU IPTA
 THE CONCEPT OF BREASTFEEDING MILK ACCORDING THE ISLAMIC
 PERSPECTIVE]**

**KEFAHAMAN AHLI AKADEMIK IPTA KUALA TERENGGANU TERHADAP
 KONSEP PENYUSUAN SUSU IBU MENURUT PERSPEKTIF ISLAM**

NORMADIAH DAUD^{1*}
 NADHIRAH NORDIN¹
 MARIAM NABILAH MOHD NOOR¹

¹ Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Kampus Gong Badak,
 Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu.

*Corresponding author: normadiah@unisza.edu.my

Received Date: 7 Januari 2015 • Accepted Date: 9 Januari 2015

Abstract

An understanding of breastfeeding according to the Islamic perspective is very important in ensuring the success of breastfeeding, especially among working mothers. The absence of a study related to the understanding of the concept of breastfeeding according to the Islamic perspective among IPTA academics while they are the educated group that should be used as a guide among other women is the main problem of this study. Therefore, this study was built to study the understanding of academics at IPTA Kuala Terengganu about breastfeeding according to the Islamic perspective. This study was conducted in the field (field studies) and using quantitative methods. Data were collected through questionnaires and interviews with experts in the field of Islamic family Fiqh. A total of 140 out of 180 respondents were selected from selected locations are UiTM Kuala Terengganu, UMT and UniSZA. The results show that the respondents have a good understanding regarding breastfeeding according to the Islamic perspective with an average mean value between 2.67-3.92. These findings show that the knowledge of Islam is an important foundation in ensuring the successful implementation of breastfeeding.

Keywords: Academician, Kuala Terengganu, Breastfeeding.

Abstrak

Kefahaman terhadap penyusuan susu ibu menurut perspektif Islam sangat penting dalam memastikan kejayaan penyusuan susu ibu terutamanya dalam kalangan ibu yang bekerjaya. Ketiadaan kajian berkaitan kefahaman terhadap konsep penyusuan susu ibu menurut perspektif Islam dalam kalangan ahli akademik IPTA sedangkan mereka adalah golongan terpelajar yang perlu dijadikan panduan dalam kalangan wanita lain merupakan permasalahan utama kajian ini. Justeru itu, kajian ini dibina untuk mengkaji kefahaman ahli akademik di IPTA Kuala Terengganu tentang penyusuan menurut perspektif Islam. Kajian ini dilakukan secara lapangan (field studies)

dan menggunakan kaedah kuantitatif. Data dikumpulkan melalui instrumen soal selidik dan temubual bersama pakar dalam bidang Fiqh kekeluargaan Islam. Seramai 140 daripada 180 orang responden telah dipilih dari lokasi yang terpilih ialah UiTM Kuala Terengganu, UMT dan UniSZA. Hasil dapatan menunjukkan para responden mempunyai kefahaman yang baik berkenaan dengan penyusuan susu ibu menurut perspektif Islam dengan purata nilai min antara 2.67-3.92. Dapatkan ini menunjukkan bahawa ilmu pengetahuan tentang Islam merupakan asas yang penting dalam memastikan kejayaan pelaksanaan penyusuan susu ibu ini.

Kata kunci: Ahli Akademik, Kuala Terengganu, Penyusuan ibu.

Cite as: Normadiah Daud, Nadhirah Nordin & Mariam Nabilah Mohd Noor. 2015. Kefahaman ahli Akademik IPTA Kuala Terengganu terhadap Konsep Penyusuan Ibu menurut perspektif Islam *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 10(1):1-12.

PENGENALAN

Kajian ini dilakukan untuk mengkaji sejauhmana kefahaman responden dalam kalangan ahli akademik IPTA daripada pelbagai latarbelakang sama ada pendidikan dan sosial dalam memahami konsep penyusuan susu ibu menurut perspektif Islam. Antara perkara yang menjadi perhatian penulis ialah kefahaman mereka dari sudut tanggungjawab penyusuan adalah satu suruhan Allah SWT, pensyariatan penyusuan, tempoh penyusuan, penyusuan yang mensabitkan nasab, keharusan susu perahan dan tentang upah penyusuan.

Sebelum ini ada beberapa kajian lapangan di Malaysia berkaitan penyusuan susu ibu seperti dalam kalangan jururawat (Nik Normanieza Nik Wan, 2009), suri rumah atau kepada para ibu secara umumnya (Juwita Shaaban, 2000). Namun perkara berkaitan kefahaman responden tentang penyusuan susu ibu menurut perspektif Islam tidak ada yang dibincangkan. Ihsan Dogramasi (Dogramasi, 2013) pernah membuat kajian terhadap penyusuan susu ibu di Amerika Syarikat dalam kalangan orang Islam. Namun beliau juga tidak pernah mengkaji tentang kefahaman mereka mengikut perspektif Islam. Isam ('Isam 'Abd. Zuhd & et. al, 2006) pernah membuat kajian di Universiti Islam Ghaza tentang kefahaman penduduk Ghaza terhadap ikatan kekeluargaan yang dibentuk daripada penyusuan susu ibu. Namun ianya dilakukan dalam kalangan rakyat awam dan bukan kepada ahli akademik.

Isu ini difokuskan kerana belum ada dalam kalangan pengkaji sebelum ini yang melakukan kajian tersebut terhadap para ahli akademik yang dianggap sebagai golongan yang mempunyai tahap keilmuan yang tinggi. Pemilihan responden yang terdiri daripada ahli akademik ini juga sangat sesuai memandangkan mereka adalah golongan terpelajar dan diandaikan lebih memahami konsep penyusuan susu ibu menurut perspektif Islam berbanding mereka yang berada dalam sektor pekerjaan yang lain. Justeru itu, untuk merealisasikan perkara ini, pengkaji telah memilih responden dari 3 buah IPTA di Kuala Terengganu iaitu Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dan Universiti Teknologi Mara cawangan Kuala Terengganu (UITM).

SOROTAN LITERATUR

Kajian berkaitan dengan penyusuan susu ibu menurut perspektif Islam sebenarnya telah lama dipelopori oleh ulama-ulama seperti Abdul Karim Zaydan (2003) yang banyak menerangkan perbahasan fuqaha dan mufassirin berkaitan pihak-pihak yang terlibat dengan penyusuan susu ibu seperti ibu, bapa dan anak. Penulisan berkaitan dengan bentuk-bentuk penyusuan yang mensabitkan nasab pula telah ditulis oleh al Mawardi (1996) dan ianya sangat baik untuk dijadikan rujukan. Seterusnya untuk perbahasan para fuqaha tentang rukun,syarat, tempoh, penyusuan dan hak penyusuan dinyatakan dengan panjang lebar di dalam kitab fiqh pelbagai mazhab. Antaranya, kitab al Mudawwanah yang ditulis oleh al Asbahi (t.th) dan Hashiah al-Dusuqi yang ditulis oleh al-Dardir (t.th) daripada mazhab Maliki, kitab al Mughni al-Muhtaj oleh al-Sharbini (1978) daripada mazhab Shafi'i, al-Mughni oleh Ibn Qudamah (1983) daripada mazhab Hanbali dan al-Mabsut oleh al-Sarkhasi (t.th) daripada mazhab Hanafi. Selain daripada kitab-kitab fiqh perbahasan mengenai penyusuan susu ibu juga dibahas dengan hebat oleh mufassirin. Mereka membahaskan perkara tersebut berdasarkan kepada firman Allah SWT dalam surah al Baqarah ayat 233. Antara mufassirin yang memperkatakan tentang susu ibu di dalam pentafsiran mereka ialah al-Alusi (1987) di dalam Ruh al-Ma‘ani, Rashid Rida (2005) dalam tafsir al-Manar, al-Qurtubi (1988) dalam tafsir al-Jami‘ li Ahkam al-Qur'an dan Sayyid Qutb (1992) dalam Fi Zilal al-Qur'an.

Manakala kajian berkenaan susu ibu menurut perspektif Islam oleh sarjana semasa secara umumnya telah dijelaskan oleh Ayu Aima (2002) di dalam bukunya Penyusuan Susu Ibu Menurut Perspektif Islam. Buku ini memberi gambaran yang banyak berkaitan dengan keistimewaan susu ibu daripada pelbagai sudut. Normadiah dan Siti Fatimah (2009) pula, telah menjelaskan dengan agak terperinci tentang penyusuan oleh wanita bekerjaya dalam proses pembangunan modal insan. Pelbagai inisiatif juga dipaparkan untuk memudahkan pelaksanaan penyusuan susu ibu. Manakala Danial Zainal Abidin (2010) juga ada menulis tentang kelebihan susu ibu menurut perspektif al-Qur'an. Beliau mendedahkan tentang persamaan dapatan kajian yang dinyatakan oleh ahli sains pada hari ini dengan ayat-ayat al-Qur'an berkenaan susu ibu. Walau bagaimanapun, penerangan yang diberikan agak sedikit dan kurang menyeluruh.

Selain daripada itu, semua penulisan dan kajian di Malaysia ini hanya bertumpu kepada pelaksanaan penyusuan susu ibu menurut Islam secara teorinya sahaja. Tidak terdapat bukti yang khusus daripada dapatan kajian yang menunjukkan kefahaman seseorang ibu khususnya seorang ahli akademik terhadap konsep penyusuan menurut Islam. Ini menjadikan kajian yang dipilih penulis ini berbeza daripada kajian-kajian menurut perspektif Islam sebelum ini kerana ia melibatkan kepada dapatan kajian terhadap kefahaman para ibu berkaitan dengan penyusuan susu ibu menurut perspektif Islam.

METODE

Artikel ini melibatkan proses analisis yang dilakukan terhadap data-data yang diperolehi daripada 140 borang soal selidik yang telah dikembalikan kepada penyelidik. Sebanyak 180 borang telah diedarkan kepada para responden tetapi hanya sebanyak 140 telah dikembalikan disebabkan masalah-masalah yang tertentu. Data-data daripada soal selidik ini dianalisis dengan menggunakan SPSS versi 14.00 secara statistik deskriptif. Ia hanya melibatkan analisis

dari segi kekerapan, peratusan dan min. Semua dapatan dipamerkan dalam bentuk jadual dan perbincangan.

PEMILIHAN SAMPEL KAJIAN

Negeri Terengganu dipilih kerana keistimewaan yang telah berjaya mengekalkan kedudukan sebagai negeri yang mempunyai peratusan yang tertinggi dalam kejayaan penyusuan eksklusif untuk bayi berusia 4 bulan selama dua tahun berturut-turut iaitu pada tahun 2011 dan 2012. Terengganu juga berada di kedudukan teratas dalam senarai negeri-negeri yang berjaya melaksanakan penyusuan susu ibu secara eksklusif 4 bulan dengan peratusan mencapai 69.1% (tahun 2011) dan 67.6% (tahun 2012). Demikian juga dengan penyusuan eksklusif 6 bulan, Terengganu mencatat peratusan yang tertinggi iaitu 45.9% (tahun 2011) dan 47% (tahun 2012). (Bahagian Pemakanan, Kementerian Kesihatan Malaysia, 2012) Justeru itu negeri Terengganu telah menjadi pilihan terbaik penulis untuk dijadikan lokasi kajian. Manakala pemilihan daerah Kuala Terengganu pula adalah berdasarkan kepada kejayaannya mengekalkan kedudukan yang paling tinggi kadar penyusuan eksklusif untuk bayi 4 bulan dan 6 bulan untuk tahun 2012 bagi seluruh negeri Terengganu. (Bahagian Pemakanan, Kementerian Kesihatan Malaysia, 2012).

LATAR BELAKANG RESPONDEN KAJIAN

Dalam usaha penulis mengkaji pelaksanaan penyusuan susu ibu dalam kalangan ahli akademik IPTA Kuala Terengganu, terlebih dahulu analisis demografi pensyarah yang terpilih sebagai responden dilakukan. Ia bertujuan untuk mendapat profil umum mengenai mereka. Maklumat ini juga sangat penting untuk pengkaji mengenali dengan lebih mendalam responden yang dikaji. Maklumat demografi ini dibahagikan kepada 2 bahagian yang utama iaitu maklumat diri dan pekerjaan.

MAKLUMAT DIRI DAN KELUARGA

Umur responden

Jadual 4.1 menunjukkan jumlah yang paling ramai dalam kalangan responden ialah yang berusia 31-40 tahun iaitu 55.7% (78 orang). Ianya menjadikan pensyarah dari kalangan umur tersebut melebihi separuh daripada keseluruhan responden. Diikuti dengan responden yang berusia 25-30 tahun dan yang melebihi usia 40 tahun, masing-masing mencapai 19.3% (27 orang). Jumlah responden yang berusia 50 tahun ke atas hanya mencapai 5.7% (8 orang) daripada keseluruhan responden.

Jadual 4.1 Maklumat umur responden

| Bil | Umur responden | Kekerapan | Peratus |
|-----|----------------|-----------|---------|
| 1 | 25-30 tahun | 27 | 19.3% |
| 2 | 31-40 tahun | 78 | 55.7% |
| 3 | 41-50 tahun | 27 | 19.3% |

| | | | |
|---------------|----------------------|------------|-------------|
| 4 | 51 tahun dan ke atas | 8 | 5.7% |
| Jumlah | | 140 | 100% |

Sumber: Soal Selidik 2012

Bilangan anak responden

Bilangan anak para ahli akademik adalah dalam skala yang kecil. Jadual 4.2 menunjukkan hampir separuh daripada responden hanya mempunyai 1-2 orang anak sahaja iaitu 49.3% (69 orang). Setelah diteliti sebab yang sedemikian berlaku kerana sebahagian besar responden berusia 30 tahun, mereka baru sahaja berkahwin dan mempunyai anak yang sedikit. Manakala bilangan responden yang mempunyai 3-4 orang anak pula agak ramai iaitu 39.9% (53 orang). Hanya 12.9% (18 orang) sahaja daripada 140 responden yang mempunyai anak melebihi 5 orang.

Jadual 4.2 Bilangan anak responden

| Bil | Bilangan anak | Kekerapan | Peratus |
|---------------|----------------------|------------|-------------|
| 1 | 1-2 orang | 69 | 49.2% |
| 2 | 3-4 orang | 53 | 37.9% |
| 3 | 5 orang dan ke atas. | 18 | 12.9% |
| Jumlah | | 140 | 100% |

Sumber: Soal Selidik 2012

Pendidikan responden

Sesuai dengan taraf pendidikan sebagai seorang ahli akademik di universiti, tahap pendidikan yang paling ramai ialah yang mempunyai kelulusan Ijazah Sarjana dan Doktor Falsafah. Jadual 4.3 menunjukkan majoriti responden dalam kajian ini mempunyai Ijazah Sarjana dengan peratusan sebanyak 70.7% (9 orang) diikuti dengan mereka yang berkelulusan Ph.D sebanyak 23.6% (33 orang) dan yang mempunyai ijazah sarjana muda mencapai 5.7% (8 orang). Kebanyakan mereka ini daripada UiTM dan UniSZA. Manakala pensyarah UMT semuanya berkelulusan sarjana dan Ph.D.

Jadual 4.3 Tahap pendidikan responden

| Bil | Tahap pendidikan | Kekerapan | Peratus |
|---------------|---------------------|------------|-------------|
| 1 | Ijazah Sarjana Muda | 8 | 5.7% |
| 2 | Ijazah Sarjana | 99 | 70.7% |
| 3 | Doktor Falsafah | 33 | 23.6% |
| Jumlah | | 140 | 100% |

Sumber: Soal Selidik 2012

MAKLUMAT PEKERJAAN RESPONDEN

IPTA yang terlibat

Jadual 4.4 mendapati responden yang paling ramai adalah daripada UniSZA iaitu 42.9% (60 orang) diikuti dengan UMT sebanyak 39.3% (55 orang) dan UiTM Kuala Terengganu sebagai kampus yang kecil mempunyai bilangan pensyarah yang agak kecil iaitu 17.9% (25 orang).

Jadual 4.4 IPTA yang terlibat

| Bil | IPTA Yang Terlibat | Kekerapan | Peratus |
|---------------|-----------------------|-----------|---------|
| 1 | UniSZA | 60 | 42.9% |
| 2 | UMT | 55 | 39.3% |
| 3 | UiTM Kuala Terengganu | 25 | 17.8% |
| Jumlah | | 140 | 100% |

Sumber: Soal Selidik 2012

Jawatan responden

Jadual 4.5 menunjukkan 77.1% (108 orang) ahli akademik berjawatan pensyarah, diikuti dengan 15.7% (22 orang) berjawatan pensyarah kanan dan 2.9% (4 orang) sebagai Professor Madya. Hanya seorang sahaja (0.7%) berjawatan Professor.

Jadual 4.5 Jawatan responden

| Bil | Jawatan Responden | Kekerapan | Peratus |
|---------------|-------------------|-----------|---------|
| 1 | Pensyarah | 108 | 77.1% |
| 2 | Pensyarah Kanan | 22 | 15.7% |
| 3 | Ketua Jabatan | 4 | 2.9% |
| 4 | Dekan Fakulti | 1 | 0.7% |
| 5 | Professor Madya | 4 | 2.9% |
| 6 | Professor | 1 | 0.7% |
| Jumlah | | 140 | 100% |

Sumber: Soal Selidik 2012

Bidang pengkhususan responden

Dari sudut bidang pengkhususan pula, didapati bidang perakaunan dan perniagaan mendominasi bilangan responden. Faktor ketiga-tiga universiti yang dikaji mempunyai fakulti tersebut menjadikan bilangan mereka paling ramai. (www.unisza.edu.my; www.umt.edu.my; www.uitm.edu.my, 1 Jun 2012). Merujuk kepada jadual 4.6, 22.1% (31 orang) responden daripada bidang ini telah menjawab soalan kaji selidik yang telah diedarkan. Diikuti dengan Sains Sosial dan Sains Kesihatan masing-masing mencapai 12.3% (17 orang) responden. Seterusnya bidang Bahasa dengan jumlah responden 10.7% (15 orang). Jumlah responden yang paling kecil ialah dari bidang Teknologi Pembuatan iaitu 1.4% (2 orang) sahaja.

Jadual 4.6 Bidang pengkhususan responden

| Bil | Bidang Pengkhususan | Kekerapan | Peratus |
|---------------|---------------------------|------------|-------------|
| 1 | Pengajian Islam | 14 | 10% |
| 2 | Sains Sosial | 17 | 12.3% |
| 3 | Sains Kesihatan | 17 | 12.3% |
| 4 | Teknologi Maklumat | 11 | 7.7% |
| 5 | Perakaunan dan Perniagaan | 31 | 22.1% |
| 6 | Kejuruteraan | 3 | 2.1% |
| 7 | Sains Pemakanan | 7 | 5.0% |
| 8 | Bahasa | 15 | 10.7% |
| 9 | Undang-undang | 6 | 4.3% |
| 10 | Bioteknologi | 7 | 5.0% |
| 11 | Matematik | 7 | 5.0% |
| 12 | Seni lukis | 3 | 2.1% |
| 13 | Teknologi Pembuatan | 2 | 1.4% |
| Jumlah | | 140 | 100% |

Sumber: Soal Selidik 2012

KEPUTUSAN

Penyusuan susu ibu merupakan satu cabang yang sangat penting di dalam fiqh kekeluargaan Islam. Ianya merupakan satu suruhan Allah SWT dan Rasulullah SAW serta dalil pensyariatannya jelas di dalam al-Qur'an dan hadis. Selain daripada itu juga susu ibu sangat dipandang tinggi di dalam undang-undang kekeluargaan Islam kerana ianya boleh mensabitkan hubungan nasab seseorang. Sebagai contoh ibu yang menjadi ibu susuan kepada seseorang anak, haram berkahwin dengan anak susunya untuk selama-lamanya. Justeru kerana kepentingannya ini, seseorang ibu perlu memahami beberapa perkara yang penting menurut perspektif Islam berkaitan dengan penyusuan susu ibu ini. Kefahaman seseorang ibu berkaitan dengan perkara ini mampu menjamin kejayaan pelaksanaan proses penyusuan dalam kalangan mereka. Antara perihal yang diutarakan oleh penulis menurut perspektif Islam ini ialah mengenai tanggungjawab penyusuan menurut syarak, mahram susuan, keharusan susu perahan dan upah penyusuan.

Kefahaman Bahawa Penyusuan Susu Ibu Merupakan Satu Suruhan Allah SWT

Analisis peratus dan kekerapan menunjukkan kefahaman ahli akademik yang dikaji dari sudut penyusuan susu ibu adalah satu suruhan Allah SWT sangat memuaskan. Jadual 5.1 memaparkan kekerapan, peratusan dan jumlah min setiap item yang disoal kepada responden. Item "Anak berhak mendapat susu ibu sejak dari hari pertama kelahiran sehingga berusia 2 tahun" mencapai peratusan kefahaman yang paling tinggi iaitu 100% (140 orang termasuk setuju dan sangat bersetuju).

Item yang paling kurang difahami responden dalam aspek ini ialah item "Sekiranya ibu tidak berupaya menyusukan anak kerana sebab-sebab yang tertentu, ibu boleh menyerahkan anaknya untuk disusui oleh wanita lain setelah mendapat keizinan dari suami atau bapa anak tersebut" hanya mencapai 88.6% (124 orang termasuk bersetuju dan sangat bersetuju). Walaupun item ini agak rendah peratusannya berbanding dengan item-item yang lain, ianya

masih dalam lingkungan keputusan yang baik. Pada hakikatnya mereka bukan tidak memahami tentang kebenaran syarak menyerahkan anak untuk disusui oleh orang lain, tetapi sebaliknya mereka kurang yakin untuk melaksanakannya. Ini berlaku kerana mereka bimbang terhadap kesan-kesan yang terhasil akibat daripada penyusuan yang mensabitkan nasab tersebut.

Seterusnya analisis berdasarkan nilai min. Ia juga menunjukkan kefahaman responden mengenai tanggungjawab mereka menyusukan anak sangat tinggi. Nilai min untuk aspek ini mencapai nilai antara 3.49-3.90. Walau bagaimanapun nilai min yang paling tinggi ialah item “Anak berhak mendapat susu ibu sejak dari hari pertama kelahiran sehingga berusia 2 tahun” (min=3.90). Diikuti dengan item “Susu ibu merupakan satu suruhan Allah SWT dan Rasulullah SAW yang disabitkan secara jelas di dalam al-Qur'an dan hadis”(min=3.89) dan item “Penyusuan susu ibu merupakan satu tanggungjawab seorang ibu kepada seseorang anak”(min=3.88).

Jadual 5.1 Kefahaman bahawa penyusuan susu ibu adalah satu suruhan Allah SWT

| Bil | Kefahaman Bahawa Penyusuan Susu Ibu Adalah Satu Suruhan Allah SWT | Sangat Tidak Setuju | Tidak Setuju | Setuju | Sangat Setuju | Min |
|-----|---|---------------------------|-----------------|-------------|------------------|------|
| 1 | Penyusuan susu ibu merupakan satu tanggungjawab seorang ibu kepada seseorang anak. | - | 1 0.7% | 15 10.7% | 124 88.6% | 3.88 |
| 2 | Susu ibu merupakan satu suruhan Allah SWT dan Rasulullah SAW yang disabitkan secara jelas di dalam al-Qur'an dan hadis. | - | - | 16 11.4% | 124 88.6% | 3.89 |
| 3 | Susu ibu merupakan makanan terawal para nabi dan Rasulullah SAW. | - | 1 0.7% | 20 14.3% | 119 85.0% | 3.84 |
| 4 | Anak berhak mendapat susu ibu sejak dari hari pertama kelahiran sehingga berusia 2 tahun. | - | - | 14 10.0% | 126 90.0% | 3.90 |
| 5 | Bayi hendaklah disusui oleh ibu kandungnya selagimana ibu tidak mempunyai sebarang keuzuran yang menghalang proses penyusuan tersebut. | - | 2 1.4% | 15 10.7% | 123 87.9% | 3.86 |
| 6 | Sekiranya ibu tidak berupaya menyusukan anak kerana sebab-sebab yang tertentu, ibu boleh menyerahkan anaknya untuk disusui oleh wanita lain setelah mendapat keizinan dari suami atau bapa anak tersebut. | 1 0.7% | 15 10.7% | 39 27.9% | 85 60.7% | 3.49 |
| 7 | Susu ibu akan menjadi wajib ke atas seseorang ibu sekiranya anaknya alah dengan semua makanan dan minuman lain kecuali susu ibu. | 1 0.7% | 11 7.9% | 36 25.7% | 92 65.7% | 3.56 |

Kefahaman Mengenai Upah Penyusuan

Jadual 5.2 menerangkan tentang kefahaman responden mengenai upah susuan yang terdapat dalam sistem perundangan Islam berdasarkan kepada item yang telah dikemukakan. Item “Para isteri yang menyusukan bayi berhak untuk menuntut bayaran daripada pihak suami pada masa-masa yang tertentu” menunjukkan responden tidak bersetuju dengan item tersebut iaitu 45.0% (63 orang termasuk tidak setuju dan sangat tidak setuju). Manakala 55.0% (77 orang termasuk setuju dan sangat setuju) responden bersetuju dengan item ini.

Jadual 5.2 Kefahaman mengenai upah penyusuan

| Bil | Kefahaman Mengenai Penyusuan | Upah | Sangat Tidak Setuju | Tidak Setuju | Setuju | Sangat Setuju | Min |
|-----|--|------|---------------------|--------------|-------------|---------------|------|
| 1 | Para isteri yang menyusukan bayi berhak untuk menuntut bayaran daripada pihak suami pada masa-masa yang tertentu | | 16 11.4% | 47 33.6% | 44 31.4% | 33 23.6% | 2.67 |

Sumber: Soal Selidik 2012

Walaupun bilangan yang bersetuju lebih ramai daripada yang tidak bersetuju, jumlah min=2.67 pada item ini jelas menunjukkan masih terdapat ramai responden yang kurang memahami aspek ini. Walaupun dapatan kajian menunjukkan para ahli akademik yang dikaji mempunyai kefahaman yang baik tetapi mereka masih kurang memahami perkara yang melibatkan upahan kepada ibu yang menyusu.

Kefahaman tentang Penyusuan yang Mensabitkan Nasab

Analisis peratus dan kekerapan mengenai kefahaman responden berkaitan dengan penyusuan yang mensabitkan nasab mencatatkan nilai yang tinggi. Item yang paling difahami responden dalam aspek ini ialah item “Seseorang bayi haram berkahwin dengan ibu susunya” mencapai 99.3% (139 orang termasuk yang bersetuju dan sangat bersetuju). Diikuti dengan item “Adik beradik sesusuan tidak boleh berkahwin antara satu sama lain” juga mencapai 99.3% (139 orang termasuk yang bersetuju dan tidak bersetuju). Walaupun peratusan dan kekerapan pada item ini sama, tetapi nilai untuk sangat setuju adalah berbeza. Item kedua mencapai 90% (126 orang) sangat bersetuju berbanding item pertama mencapai 92.9% (130 orang) sangat bersetuju. Manakala item “Suami tidak boleh berkahwin dengan anak susuan isterinya” pula mencapai 98.6% (138 orang termasuk yang bersetuju dan sangat bersetuju).

Merujuk kepada jadual 5.3, analisis berdasarkan nilai min berkaitan penyusuan yang mensabitkan nasab menunjukkan item “Seseorang bayi haram berkahwin dengan ibu susunya” mencatat nilai min yang paling tinggi iaitu min=3.92. Diikuti dengan item “Adik beradik sesusuan tidak boleh berkahwin antara satu sama lain” mencapai nilai min=3.89 dan item “Suami tidak boleh berkahwin dengan anak susuan isterinya” mencapai nilai min= 3.87. Secara puratanya juga, item yang mendapat jumlah persetujuan yang paling rendah ialah item “Hukum yang boleh mensabitkan nasab bayi dengan ibu susuannya ialah 5 kali kenyang” dengan nilai min=3.35. Walau bagaimanapun keseluruhannya boleh dikatakan para responden mempunyai

kefahaman yang sangat baik berkenaan penyusuan yang mensabitkan nasab ini walaupun responden tersebut bukan daripada bidangan pengajian Islam. Ini kerana berdasarkan kepada analisis demografi responden, hanya 10% (14 orang) sahaja responden terdiri daripada ahli akademik Fakulti Pengajian Islam.4 Kesimpulannya hampir keseluruhan item yang melibatkan kefahaman tentang penyusuan yang mensabitkan nasab, mencatatkan jumlah peratusan dan min yang tinggi iaitu daripada min 3.35-3.92.

Jadual 5.3 Kefahaman tentang penyusuan yang mensabitkan nasab

| Bil | Kefahaman Tentang Penyusuan yang Mensabitkan nasab | Sangat Setuju | Tidak Setuju | Setuju | Sangat Setuju | Min |
|-----|---|---------------|--------------|--------------|---------------|------|
| 1 | Hukum yang boleh mensabitkan nasab bayi dengan ibu susunya ialah 5 kali kenyang. | 6 4.3% | 12 8.6% | 49 35.0% | 73 52.1% | 3.35 |
| 2 | Seseorang bayi haram berkahwin dengan ibu susunya. | - | 1 0.7% | 9 6.4% | 130 92.9% | 3.92 |
| 3 | Suami tidak boleh berkahwin dengan anak susuan isterinya. | - | 2 1.4% | 14 10.0% | 124 88.6% | 3.87 |
| 4 | Adik beradik sesusuan tidak boleh | - | 1 | 13 | 126 | 3.89 |
| 5 | berkahwin antara satu sama lain. | | | 0.7% 9.3% | 90.0% | |
| 6 | Anak susuan tidak boleh berkahwin dengan adik beradik ibu dan bapa susunya.(bapa dan ibu saudara) | 6 4.3% | 3 2.1% | 23 16.4% | 108 77.1% | 3.66 |
| 6 | Anak susuan tidak boleh berkahwin dengan ibu dan bapa kepada ibu dan bapa susuannya.(datok dan nenek) | 5 3.6% | 4 2.9% | 26 18.6% | 105 75.0% | 3.65 |

Sumber: Soal Selidik 2012

Kefahaman Mengenai Keharusan Susu Perahan

Item “Islam membolehkan penyusuan susu ibu selain daripada melalui payudara, antaranya ialah dengan menggunakan susu ibu perahan”, majoriti besar responden mempunyai kefahaman yang sangat jelas apabila 77.1% (88 orang) sangat bersetuju dan 22.1% (31 orang) bersetuju. Manakala nilai min mengenai perkara ini juga sangat tinggi iaitu min=3.76. Ini jelas menunjukkan hampir keseluruhan responden memahami bahawa penyusuan selain daripada melalui payudara adalah diharuskan oleh syarak termasuk pengamalan susu perahan

Jadual 5.4 Kefahaman Responden Mengenai Keharusan Penyusuan Perahan

| Bil | Kefahaman Mengenai Keharusan Penyusuan Perahan | Sangat Tidak Setuju | Tidak Setuju | Setuju | Sangat Setuju | Min |
|-----|---|---------------------|--------------|-------------|---------------|------|
| 1 | Islam membolehkan penyusuan susu ibu selain daripada melalui payudara. Antaranya ialah dengan menggunakan susu ibu perahan | - | 1 0.7% | 31 22.1% | 108 77.1% | 3.76 |

PERBINCANGAN

Analisis peratus dan kekerapan menunjukkan kefahaman ahli akademik yang dikaji dari sudut penyusuan susu ibu adalah satu suruhan Allah SWT sangat memuaskan. Item “Anak berhak mendapat susu ibu sejak dari hari pertama kelahiran sehingga berusia 2 tahun” mencapai peratusan kefahaman yang paling tinggi iaitu 100% (140 orang termasuk setuju dan sangat bersetuju). Kefahaman yang tinggi ini menunjukkan para responden yang dikaji mempunyai pengetahuan yang luas berkaitan kewajipan menyusukan anak sehingga berusia dua tahun. Kefahaman mereka ini bertepatan dengan kehendak syarak dan pandangan para fuqaha. Antara mereka yang berpendapat demikian ialah mazhab Shafi’i (al-Shafi’i, t.th), Hanafi (al-Kasani, 2000) dan Maliki (al-Dusuqi, t.th). Mereka menyatakan tempoh terbaik penyusuan seseorang ibu kepada anaknya ialah dua tahun. Mereka bersandarkan kepada firman Allah SWT :

﴿وَالْوَلُدُثُ يُرْضِعُنَ أَوْلَادُهُنَ حَوْلَيْنِ كَامِلَيْنِ لِمَنْ أَرَادَ أَنْ يُتَمَّمَ الْرَّضَاعَةُ﴾

Maksudnya: Para ibu hendaklah menyusukan anak-anaknya selama dua tahun penuh, iaitu bagi yang ingin menyempurnakan penyusuan. (al-Qur'an, al-Baqarah 2: 233)

Bahkan Mazhab Hanafi membenarkan penyusuan yang lebih daripada tempoh dua tahun.(al-Kasani, 2000) Tempoh tersebut ialah dua tahun setengah atau tiga puluh bulan (Ibnu ‘Abidin, 1992). Para fuqaha juga membenarkan para ibu menamatkan tempoh pemberian susu kurang daripada 2 tahun. Walau bagaimanapun mazhab Shafi’i (al-Shafi’i, t.th) dan Hanafi (al-Kasani, 2000), terdapat beberapa syarat tertentu yang membolehkan tempoh penyusuan dikurangkan daripada 2 tahun. Pertamanya ; pengurangan tempoh penyusuan tersebut mestilah mendapat persetujuan daripada kedua suami dan isteri. Keduanya ; pengurangan tempoh tersebut juga mestilah tidak memberi kemudaratkan kepada bayi yang disusui. Sekiranya pengurangan tempoh tersebut boleh membahayakan bayi seperti bayi pra matang, sembelit, cirit-birit, alahan dan sebagainya, ibu tidak boleh memberhentikan penyusuan sebelum tempoh dua tahun.

Diikuti dengan item “Susu ibu merupakan satu suruhan Allah SWT dan Rasulullah SAW yang disabitkan secara jelas di dalam al-Qur'an dan hadis” juga mencapai 100% (140 orang termasuk bersetuju dan sangat bersetuju). Walau bagaimanapun untuk item kedua ini jumlah sangat bersetuju adalah kurang dari item yang pertama iaitu 88.6% (124 orang) berbanding dengan item pertama mencapai 90% (126 orang). Keputusan ini sangat munasabah kerana terdapat banyak ayat al-Qur'an dan hadis yang mengatakan demikian. Antaranya ayat 233 dalam surah al Baqarah yang telah dinyatakan sebelum ini. Selain daripada itu terdapat beberapa hadis yang memaparkan kelebihan susu ibu seperti berikut:

KESIMPULAN

Kebolehan intelek dan daya saing pelajar aliran tahniz adalah bukan suatu perkara yang boleh dinafikan. Keberadaan ayat-ayat suci al-Quran di dalam ingatan dan dada para hafiz sebenarnya memberi kesan yang langsung kepada penguasaan mereka terhadap cabang-cabang ilmu yang

lain seperti pendidikan, kedoktoran, kejuruteraan, pentadbiran dan sebagainya. Namun begitu, adalah amat malang sekiranya kebolehan dan keunikian mereka ini terbatas dengan laluan ke peringkat yang lebih tinggi tidak dibuka bahkan disekat dalam pembangunan etika modal insan. Dengan cadangan penubuhan Institut Perguruan Tahfiz Malaysia (IPTM) ini diharap sedikit-sebanyak mampu membuka mata banyak pihak khususnya ibu bapa dan majikan dalam melihat peluang yang amat besar bagi laluan aliran tahfiz bermula dari peringkat rendah sehingga ke alam pekerjaan. Sekiranya pihak yang berkaitan melihat isu ini dengan lebih serius, ia secara tidak langsung meletakkan juga program pengajian yang ditawarkan oleh IPTM ini menjadi pilihan utama pelajar tahfiz di seluruh negara bagi lepasan SPM sebagai laluan menyambung pengajian.

RUJUKAN

- 2011, November 20). Retrieved from mtaqyik: <http://mtaqyik.blogspot.com/>
- Baba, M. S. (2013). Integrating Ulul Albab Education and Science Education in Development Insan Ta' Dibi Generation: A Case Study of Mara Junior. WEI International Academic Conference Proceedings, (pp. 96-103).
- Hameed, A. A. (2003). دلالات الألوان في التعبير القرآني. Ulum Islamiyyah, 134-189.
- Hamzah, W. M. (2016, Disember 23). Penerapan Konsep Ulul Albab Dalam Pendidikan. Retrieved from [www.ipislam.edu.my:](http://www.ipislam.edu.my/) <http://www.ipislam.edu.my/%20uploaded/PKPI2012/38%20PENERAPAN%20KONSEP%20ULUL%20ALBAB%20DALAM%20PENDIDIKAN.pdf>
- Ismail, M. S. (2019). Pendidikan Tahfiz Aliran Perdana. Seminar Hala Tuju Pengajian Tahfiz Peringkat Kebangsaan 2019 (pp. 54-71). Kota Bharu: KIAS.
- KPM, B. P. (2015). Maklumat Asas Pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Tahfiz. Retrieved from <http://jpnperak.moe.gov.my/jpn/>: <http://jpnperak.moe.gov.my/jpn/attachments/article/2558/KBT%20Maklumat%20Asas%202015.pdf>
- Malaysia, I. P. (2017). Program Pendidikan Guru. Retrieved from [http://ipgkpm.edu.my:](http://ipgkpm.edu.my/) http://ipgkpm.edu.my/download/bp_pismp_sesi_2017-18.pdf
- Muhaidi Hj Mustaffa, M. A. (2015). Eksplorasi Hubungan Hafazan Al-Quran dan Kecemerlangan Para Pelajar Maahad Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat Pulai Chondong. Prosiding Seminar Antarabangsa Isu-isu Pendidikan (pp. 123-132). Bandar Baru Bangi: KUIS.
- Perak, J. P. (2015). Maklumat Asas KBT. Retrieved from Jabatan Pelajaran Negeri Perak: <http://jpnperak.moe.gov.my/jpn/attachments/article/2558/KBT%20Maklumat%20Asas%202015.pdf>
- Tamuri, A. H. (2019). Prospek dan Cabaran Pendidikan Tahfiz Dalam Sistem Pendidikan Negara. Seminar Hala Tuju Pengajian Tahfiz Peringkat Kebangsaan 2019 (pp. 1-26). Kota Bharu: KIAS.